



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEMBAYARAN FASA KEDUA BANTUAN SARA HIDUP 2019 MULAI 28 MEI 2019

Seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 2019, Kerajaan telah meneruskan program Bantuan Sara Hidup (BSH) demi kesejahteraan ekonomi rakyat dengan membantu golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka. Bagi membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan B40 dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat, pembayaran BSH 2019 fasa kedua akan dilaksanakan mulai **28 Mei 2019 (Selasa)** berdasarkan kategori BSH 2019 merangkumi bilangan anak tanggungan dan nilai BSH 2019 yang akan diterima.

Pembayaran fasa kedua ini akan melibatkan hampir **3.6 juta penerima BSH** dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM1.42 Billion**. Kadar BSH yang akan diterima mengambil kira **3.23 juta anak penerima BSH** berumur 18 tahun ke bawah kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur mereka. Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank masing-masing. Bagi mereka yang tidak mempunyai akaun bank, pembukaan akaun bank pemohon secara automatik akan dilakukan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) berdasarkan persetujuan dan akaun pemohon yang terdapat pada borang permohonan BSH 2019.

Kementerian Kewangan ingin menegaskan bahawa BSH diberi kepada mereka yang benar-benar layak mengikut kategori pendapatan yang telah ditetapkan. Pada setiap tahun, Kementerian Kewangan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan membuat semakan permohonan BSH termasuk maklumat penerima

sedia ada bagi memastikan maklumat yang dikemukakan oleh pemohon adalah tepat dan hanya yang layak sahaja akan menerima BSH. Pelaksanaan proses verifikasi dibuat secara menyeluruh terutamanya dalam mengenal pasti pendapatan terkini pemohon dengan membuat semakan data bersama pelbagai agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), LHDNM, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain agensi yang berkaitan. Proses ini adalah proses biasa yang dijalankan oleh LHDNM setiap tahun.

Bagi memastikan program BSH 2019 disasarkan kepada mereka yang benar-benar layak, **tempoh permohonan rayuan akan dibuka mulai 1 Julai 2019 hingga 15 Ogos 2019**. Dengan adanya proses rayuan ini, sebahagian daripada yang tidak layak masih diberi ruang untuk mengemukakan rayuan berserta dokumen yang berkaitan untuk diverifikasi semula oleh LHDNM. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-88-2747 serta e-mel kepada bsh@treasury.gov.my.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
24 Mei 2019